



3rd Issue
VOLUME 2
OCTOBER 2024

UiTM MUKAH BULLETIN

Inou Dengan UiTM Mukah?


- Pasukan Debat UiTM Mukah Terus Unggul di Pertandingan Debat Piala Rektor
- Program Kerjaya Pertanian dalam Industri Sagu
- UiTM Mukah Rakan Strategik Utama Jom Masuk U (JMU) 2024 Zon Sarawak II, Sibu
- Impact Digital Community Tourism (IDCT) Mini Showcase
- SULAM AGA109: Ke Arah Memperlengkap Kebolehpasaran Pelajar ATI22 Dengan Aktiviti Khidmat Komuniti


HIGHLIGHTS:



TABLE OF CONTENT

- 01.** From Deputy Rector's Desk
- 02.** From Assistant Rector's Desk
- 03.** Chief Editor's Note
- 04.** Editorial Board
- 05.** Highlights
- 11.** News and Articles
- 44.** Creative Writing
- 52.** Thank You
- 53.** Congratulations!
- 66.** Press and Media Coverage





EDITORIAL BOARD



Associate Professor Ts. ChM. Dr. Mohammad Isa Mohamadin

Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah

Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi

Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**

Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph

Ms. Cindy Robert

Ms. Fakhira Jafri

Mr. Shileyiusken Mijen

Webmaster

Mrs. Irene Seluroh

Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat

Photographer

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 28 October 2024



NEWS AND ARTICLES

KPPA 2024: USAHA FAKULTI UNTUK BANTU TINGKATKAN MOTIVASI DAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR

Penulis: Nurain Johar, Ts. Mohd Hafizz Wondi, Hazfina Mohamed Idris dan Muhamad Syukrie Haji Abu Talip

Pusat Pengajian Sains, Perladangan dan Agroteknologi (PPSPA) UiTM Cawangan Sarawak Kampus Mukah telah mengambil langkah proaktif dalam penganjuran Kem Pengukuhan dan Pemantapan Akademik 2024 yang diadakan pada 8 hingga 9 Jun 2024. Program ini dipimpin oleh Ts. Mohd Hafizz Wondi sebagai ketua program dan dibantu oleh jawatankuasa yang terdiri daripada kalangan pensyarah PPSPA dalam memastikan kelancaran dua hari program ini.



Peserta bergambar kenangan bersama jemputan alumni dan para penceramah

Program kali ini telah menghimpunkan sebanyak 17 orang pelajar diploma FPA dan 9 orang penceramah yang diberi tanggungjawab bagi melaksanakan 10 modul seperti modul Positif Diri, Adab Menuntut Ilmu, Levelling Up Your Study Skills, Soft Skills Optimized Learning dan banyak lagi. Jawatankuasa penganjur juga turut menjemput alumni FPA iaitu Encik Howern Dean Anak Hardin yang kini berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Pertanian di Pejabat Pertanian Daerah Daro pada penganjuran program kali ini.



Kumpulan pelajar bersemangat memberi penerangan dalam aktiviti LDK

Sesi bersama alumni membolehkan alumni jemputan membuat perkongsian peribadi mengenai perjalanan akademik beliau semasa menyambung pengajian selama lima semester di Kampus Mukah yang membolehkan beliau mendapat anugerah dekan pada 4 semester sekaligus memberikan motivasi kepada para peserta untuk memperbaiki keputusan peperiksaan akan datang. Program KPPA 2024 turut diselitkan dengan pelbagai aktiviti seperti Pentas Debat dengan tujuan agar semua peserta dapat meningkatkan keyakinan diri dalam komunikasi dan kerjasama berkumpulan. Program ini diakhiri dengan Majlis Penyampaian Sijil kepada semua peserta yang telah disempurnakan oleh Ketua Unit Korporat UiTMCS Kampus Mukah iaitu Encik Mohd Shafik Mohd Samsi. Program ini telah mendapat sokongan penuh daripada Ketua Pusat Pengajian iaitu Encik Muhamad Syukrie Abu Talip yang berharap agar usaha ini merupakan salah satu tindakan Continuous Quality Improvement (CQI) yang dapat dilaksanakan oleh pihak fakulti dalam memastikan pencapaian akademik pelajar pada tahap terbaik.